

si PARLIMEN



**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan                      Pertanyaan  
Bukan Jawab Lisan [Bertulis] Dewan  
Rakyat                      Daripada                      Kementerian-  
Kementerian**

**13 JUN 2011 HINGGA 28 JUN 2011  
SOALAN NO: 119 HINGGA SOALAN NO: 236**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

**No. SO ALAN: 119**

PEMBERITAHUAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA : Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]

SOALAN : Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) pencapaian NKRA, NKEA setakat ini, dan apakah masalah yang dihadapi bagi mencapai matlamatnya sebagaimana dirancang; dan
- (b) apakah program NKRA dan NKEA yang akan dilaksanakan di Parlimen Lenggong bagi semua kementerian.

**JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri DrKoh Tsu Koon)**

Pelaksanaan GTP pada tahun pertama sejak bulan Januari tahun 2010 telah menghasilkan prestasi yang amat menggalakkan. Kebanyakan sasaran *National Key Performance Indicators* atau NKPI yang ditetapkan bagi enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau NKRA telah tercapai. Overall composite scoring dianggarkan sebanyak 112 peratus, dengan hanya menggunakan 79 peratus dari belanjawan RM5.44 bilion yang disediakan untuk enam (6) NKRA bagi tahun 2010, iaitu, penjimatan sebanyak RM1.13 bilion.

Sebagai contoh secara spesifik, NKRA mengurangkan jenayah telah mencapai 15 peratus bagi jenayah indeks dan 35 peratus bagi jenayah jalanan, jauh melebihi sasaran 5 peratus dan 15 peratus masing-masing. Ini adalah hasil daripada penempatan semula atau *redeployment* hampir 30,000 anggota polis dan mobilisasi RELA dan Skim Rondaan Sukarela di bawah Rukun Tetangga tanpa melibatkan pengambilan baru secara besar-besaran. Persepsi rakyat terhadap prestasi polis telah meningkat ke 58 peratus berbanding dengan sasaran 36 peratus, manakala

perasaan takut terhadap jenayah telah menurun ke 53 peratus berbanding dengan sasaran 59 peratus. Composite scoring bagi NKRA jenayah ini adalah sebanyak 168 peratus dengan perbelanjaan hanya 76 peratus daripada RM338 juta yang disediakan.

Bagi NKRA infrastruktur asas luar bandar, semua sasaran tahun 2010 untuk pembinaan jalan, bekalan elektrik isirumah dan bekalan air isirumah telah mencapai lebih daripada 100 peratus. Hanya bekalan air mencapai 52 peratus dari 70,000 isirumah yang disasarkan kerana kekurangan sumber air yang mencukupi dan masalah-masalah teknikal. Pencapaian NKRA ini adalah 91 peratus dengan perbelanjaan 73 peratus dari belanjawan RM3.23 bilion yang disediakan.

Adalah jelas dengan dua contoh tersebut, pelaksanaan GTP telah mendatangkan impak dan manfaat yang positif kepada rakyat, mengikut sasaran yang ditetapkan. Bagi pihak kerajaan, pengubalan dan pelaksanaan pelbagai strategi dan program untuk menyelesaikan beberapa masalah utama rakyat dan meningkatkan penjana ekonomi serta menambahbaik sistem penyampaian pentadbiran telah menjadi lebih berfokus. Ianya berjaya menghasilkan beberapa inovasi dan pembaharuan serta memupuk budaya kerja yang baru dan lebih positif di kalangan penjawat awam, termasuk kaedah makmal dan "*blue ocean strategy*".

Bagi Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme* atau ETP) pula, ianya merupakan satu program komprehensif yang bertujuan untuk mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita Malaysia akan ditingkatkan daripada lebih kurang AS\$6,700 atau RM23,700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48.000 pada 2020, iaitu ke satu tahap yang sama

dengan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain. Kadar pertumbuhan PNK sebanyak 6 peratus setahun akan membolehkan negara kita mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Wawasan 2020. Lebih 3.3 juta pekerjaan baru merentasi kawasan bandar dan luar bandar negara akan diwujudkan menjelang 2020. Ciri-ciri pekerjaan baru ini akan menyebabkan anjakan ke arah julat pendapatan sederhana dan tinggi.

Hampir kesemua 131 projek permulaan atau *Entry Point Projects* (EPP) di bawah 12 *National Key Economic Areas* (NKEA) sedang rancak dirunding dan dilaksanakan. Sudah tentunya sesetengah daripada mereka mempunyai isu-isu yang kompleks dan mengambil lebih masa untuk bergerak lancar, tetapi banyak diantaranya sudah membuahkan hasil awalan yang nyata atau *preliminary tangible results*. Sejak Oktober 2010 hingga sekarang, sebanyak 87 inisiatif dalam 65 EPP dengan jumlah pelaburan RM 170 bilion dan lebih 360,000 peluang pekerjaan menjelang 2020, telah dilancarkan yang dijangka akan menyumbang kepada 220 juta Pendapatan Negara Kasar (PNK).

Oleh kerana program Program Transformasi Ekonomi (ETP) hanya dilancarkan pada bulan Oktober tahun lepas, inisiatif-inisiatif spesifik kepada setiap kawasan Parlimen yang dijalankan di bawah ETP ini masih sukar untuk dikenal pasti. Secara amnya, kesemua inisiatif dan projek di bawah ETP akan mendatangkan manfaat kepada seluruh Negara.

Bagi NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Luar Bandar, projek-projek dalam kawasan Lenggong adalah seperti berikut:

Projek-projek di bawah Bekalan Air Luar Bandar (BALB):

1. Kampung Kenayat

2. Jalan Teluk Batu ke Temelong

3. Bekalan Air ke Kampung Tersusun Bukit Sapi

4. Kampung Rancangan Merah (Kampung Panglima)

5. Peruntukan Tambahan BALB Air Jada

6. Kampung Tersusun (Kampung Baru Ganda) Projek-

projek di bawah Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB):

1. Perkampungan Tersusun Bukit Sapi

2. Perkampungan Charok Koris, Jalan Lembang Nenering

SO ALAN : 120

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA YB DATO' SHAMSUL  
ANUAR BIN NASARAH**

**(LENGGONG)**

**TARIKH**

**SOALAN 120**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan  
Wilayah** menyatakan:-

- a) Kedudukan dan pelaksanaan cadangan projek pembinaan sambungan jalan kampung Bukit Sapi/Kampung Luat ke Kampung Intan Suraya ( sungai Siput); dan

- b) Apakah status projek jalan antara Kampung Talong Luat ke Kampung Batu Ring Lenggong dan minta penjelasan mengenai projek pembinaan Giat Mara Lenggong

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) Untuk makluman YB Dato', Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Bukit Sapi/Kampung Luat ke Kampung Intan Suraya (Sungai Siput) melibatkan pembinaan jalan sepanjang 4.6kmdan 3 unit jambatan dengan anggaran kos berjumlah RM60.8 juta. Status terkini reka bentuk jalan telah siap dan sedia untuk dilaksanakan. Kementerian telah mengemukakan permohonan pelaksanaan projek kepada pihak UPE, JPM untuk dipertimbangkan di bawah *Rolling* Pelan kedua (2013-2015).

b) Bagi pembinaan jalan kampung antara Kampung Talong Luat ke Kampung Beng - Kampung Batu Reng, Lenggong, status terkini, di peringkat pembinaan. Pembinaan projek dimulakan pada 17 Jun 2011 dan



dijangka siap pada 6 Oktober 2011 yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 7.5km dengan kos berjumlah RM2.35 juta.

Untuk makluman YB Dato', GIATMARA Lenggong yang sekarang ini beroperasi di bangunan Majlis Daerah Lenggong dan rumah kedai MARA Lenggong telah merancang memindahkan operasinya di Lot 4823, Mukim Temelong, Daerah Hulu Perak. Kos pembinaan GIATMARA tersebut dianggarkan berjumlah RM5.0 juta. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sebanyak RM650 ribu tidak mencukupi untuk membina GIATMARA tersebut. Sehubungan itu, permohonan peruntukan untuk pembinaan GIATMARA Lenggong telah dikemukakan kepada UPE, JPM untuk dipertimbangkan di bawah *Rolling?elan* kedua.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA  
(PADANG TERAP)**

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

**Y.B. TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA [ PADANG TERAP ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan implikasi terhadap pelaksanaan Skim Rumah Pertamaku apabila Bank Negara mengumumkan peningkatan Base Lending Rate (BLR) kepada 6.60% bermula 11 Mei 2011.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Rumah Pertamaku telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skim ini bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan dapat membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah dan ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

2. Melalui skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Contohnya, jika sekiranya seorang peminjam mendapat pembiayaan 100%, Kerajaan akan menjamin sebanyak 10% daripada pembiayaan berkenaan. Selain itu, skim ini terbuka kepada seluruh

**NO SOALAN .121**

rakyat yang berusia di bawah umur 35 tahun dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sungguhpun begitu, skim ini bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM220,000 layak diberikan pembiayaan perumahan.

3. Berhubung dengan peningkatan *Base Lending Rate* (BLR) sebanyak 0.25% baru-baru ini, kesannya kepada peminjam adalah kecil. Dengan mengambil kira kadar faedah semasa, dan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun, peminjam yang berpendapatan RM3,000 sebulan boleh mendapat pembiayaan maksimum sehingga RM220,000. Ini kerana bayaran balik pinjaman perumahan yang akan dibayar adalah masih lagi dalam lingkungan satu pertiga daripada pendapatan.

4. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**           **BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**               **TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**  
  **[ PADANG TERAP ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN**               **3922**

**SOALAN:**

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap ] minta MENTERI**

**NO. SOALAN : 123**

**DALAM NEGERI** menyatakan sikap kerajaan terhadap syor-syor SUHAKAM yang telah berulang kali mencadangkan supaya pihak polis menghormati hak rakyat untuk berhimpun secara aman. Syor-syor SUHAKAM berhubung perhimpunan aman telah diterbitkan dalam laporan Siasatan Awam terhadap insiden di KLCC pada 28 Mei 2006. Apakah tindakan kerajaan terhadap syor tersebut.



## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengambil maklum berhubung syor-syor yang telah di berikan oleh SUHAKAM di dalam laporan Siasatan Awam terhadap insiden di KLCC tersebut. Kerajaan tidak pernah menyekat hak atau kebebasan mana-mana pihak untuk bersuara, berhimpun dan berpersatuan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, hak tersebut mestilah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan mengikut batasan sepertimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang negara. Ini selaras dengan Perkara 10, Fasal (2), (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan di mana Parlimen boleh melalui undang-undang untuk mengenakan sekatan ke atas hak untuk bercakap, berhimpun dan berpersatuan sekiranya melibatkan keselamatan dan kepentingan Persekutuan dan juga ketenteraman awam.

Dalam hal ini, Seksyen 27 Akta Polis 1967 jelas memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang berniat mengadakan perhimpunan di mana-mana tempat awam hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan kepada Ketua Polis Daerah bagi mendapatkan permit untuk berhimpun. Oleh yang demikian, dasar Kerajaan berhubung perkara ini adalah jelas dan mana-mana perhimpunan yang dilakukan tanpa permit adalah merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang negara dan boleh disuraikan oleh pihak polis.

Pendekatan yang digunakan oleh pihak polis dalam menyuraikan perhimpunan haram bermula dengan memberikan amaran kepada kumpulan yang berhimpun supaya bersurai dengan segera. Namun, dalam kebanyakan kes, terdapat kumpulan yang enggan bersurai malahan bertindak agresif terhadap pihak polis. Oleh yang demikian, tindakan yang munasabah serta berlandaskan undang-undang dan peraturan akan diambil oleh pihak polis bagi menyuraikan demonstrasi jalanan atau perhimpunan haram termasuk melakukan tangkapan terhadap dalang-dalang atau mana-mana pengikut yang bertindak agresif terhadap pihak polis.

A/e) •

MO A'f JM- ■  
■ a \ l a I ■ 1  
fu o

~~-NO. AUP^.~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN  
**DARIPADA** TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA  
[ PADANG TERAP ]  
**RUJUKAN** 3910  
**SOALAN:**

**Tuan Mohd Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) sebab Kerajaan Malaysia masih belum meratifikasi Konvensyen Berkenaan Status Orang Pelarian 1951 dan perancangan Kementerian terhadap Konvensyen ini; dan
- (b) isu pertukaran orang pelarian dengan negara Australia dan sikap Kementerian terhadap kritikan banyak pihak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap yang mengemukakan soalan.

a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Malaysia tidak bercadang untuk menyertai Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967. Ini adalah kerana kesertaan ke Konvensyen tersebut dilihat akan membuka laluan kepada kebanjiran pemohon suaka ke negara ini untuk memohon status pelarian daripada UNHCR. Tanpa kesertaan kepada Konvensyen tersebut, jumlah pelarian sedia ada di Malaysia telah mencapai tahap yang membimbangkan di mana sehingga 31 Mei 2011 ianya telah mencapai angka 84,000 orang.

Selain daripada itu, Malaysia perlu memenuhi obligasi di bawah Konvensyen tersebut di mana negara perlu menerima pelarian bagi tujuan penempatan semula. Pelarian-pelarian tersebut perlu diberikan akses kepada kemudahan-



kemudahan asas yang sama seperti yang dinikmati oleh rakyat tempatan antaranya seperti kemudahan kesihatan, pendidikan serta peluang pekerjaan

b) Cadangan pertukaran pelarian dan pemohon suaka di antara Malaysia dan Australia ini melibatkan elemen penghantaran 800 pemohon suaka yang tiba dengan bot secara haram di perairan Australia ke Malaysia. Sebagai balasan Australia akan menerima seramai 4,000 pelarian di Malaysia yang telah berdaftar dengan UNHCR bagi tujuan penempatan semula dalam tempoh masa empat (4) tahun.

Cadangan pertukaran ini dilihat sebagai inisiatif yang selaras dengan usaha menangani isu pergerakan tidak sah (*irregular movement*) migran termasuk pelarian dan pemohon suaka di rantau Asia Pasifik. Cadangan pertukaran dua hala tersebut adalah sebahagian daripada kerangka kerjasama serantau yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Peringkat Menteri *Bali Process* di Bali, Indonesia pada 30 Mac 2011.

Susulan daripada pengumuman persetujuan Malaysia dan Australia untuk mengadakan cadangan pertukaran pelarian dan pemohon suaka pada 7 Mei 2011, pelbagai kritikan telah diterima samada di peringkat domestik dan antarabangsa. Kritikan antaranya merangkumi layanan yang akan diberikan kepada pemohon suaka yang akan dihantar ke negara ini oleh Australia. Dalam menangani isu ini, Malaysia perlu sensitif dan bijak bagi memastikan bahawa tiada layanan istimewa dan berbeza yang diberikan kepada pemohon suaka tersebut berbanding layanan yang diterima oleh pelarian sedia ada di negara ini.

Malaysia bersetuju untuk meneruskan cadangan pertukaran ini memandangkan ianya akan memberikan manfaat yang besar kepada Malaysia dari segi pelarian-pelarian yang telah lama berada di Malaysia dan masih

menunggu giliran untuk tujuan penempatan semula. Persetujuan Australia untuk mengambil 4,000 pelarian yang berdaftar dengan UNHCR di negara ini bagi tujuan penempatan semula ke negara tersebut dalam tempoh masa empat (4) tahun faedah langsung yang diterima Malaysia dari program ini. Ini adalah tambahan kepada kuota semasa tahunan Australia bagi pengambilan pelarian dari Malaysia.

Kuota semasa pengambilan tahunan oleh Australia bagi tujuan penempatan semula di negara tersebut untuk pelarian di Malaysia adalah seramai 500 orang. Melalui cadangan pertukaran ini, seramai 6,000 pelarian dari Malaysia akan dapat dihantar ke Australia bagi tujuan penempatan semula dalam tempoh empat (4) tahun. Ini mengambil kira komitmen Australia untuk menerima seramai 4,000 pelarian bagi tempoh masa tersebut termasuk kuota tahunan semasa negara tersebut.

Australia menjangkakan bahawa jumlah pemohon suaka yang akan dihantar ke negara ini akan berkurangan daripada jumlah yang disasarkan iaitu 800 orang kerana impak kepada sindiket penyeludupan migran susulan daripada cadangan pertukaran ini. Namun begitu, Australia akan tetap meneruskan komitmen untuk menerima 4,000 pelarian dari Malaysia bagi tujuan penempatan semula di negara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan.



JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA

[ PADANG TERAP ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [ PADANG TERAP ] minta Menteri

Pelajaran menyatakan

- (a) bilangan sebenar kuarters guru yang tidak diduduki seluruh negara; dan
- (b) sebab sebenar dan penyelesaian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Sebagai satu usaha meningkatkan pendidikan negara ialah dengan menjaga kebajikan guru seperti penyediaan kemudahan kuarters yang selesa dan mencukupi dengan kadar sewa atau potongan yang berpatutan di lokasi yang sesuai. Sehingga sekarang, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telahpun melaksanakan pembinaan Kuarters Guru sebanyak 30,511 unit di seluruh negara. Daripada 30,511 unit Kuarters tersebut, sebanyak 21,698 unit (71.1%) telahpun diduduki, manakala baki sebanyak 8,812 unit (28.9%) masih belum lagi diduduki.
- (b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengenalpasti beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada masalah pengisian penghuni di Kuarters iaitu seperti berikut:

- (i) Lokasi yang kurang sesuai;
- (ii) Bayaran ITP dan COLA ;
  - Pemotongan keseluruhan ITP dan 50% COLA bagi yang menduduki kuarters ; dan
  - Guru GSTT, Sandaran dan Sementara tidak menerima ITP dan COLA tidak layak untuk menduduki Kuarters
- (iii) Keadaan Fizikal Kuarters yang tidak diselenggara;
- (iv) Kadar sewa rumah di kawasan perumahan atau kawasan kampung yang berhampiran lebih murah atau kurang daripada elaun Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan elaun Sara Hidup (COLA) yang diterima oleh pegawai; dan
- (v) Berlakunya pengurangan pelajar di satu-satu sekolah menyebabkan bilangan guru-guru di sekolah terlibat berkurangan menyebabkan berlakunya kekosongan unit di kuarters guru.

Beberapa cadangan yang dikenalpasti bagi membantu mengatasi masalah pengisian penghuni ialah seperti berikut:

- (i) Menawarkan kepada agensi dan kementerian lain yang memerlukan kuarters untuk kakitangan mereka
- (ii) Perlu dibuat semakan semula pemotongan ITP dan COLA
- (iii) Menukar guna Kuarters tersebut seperti dijadikan pusat latihan
- (iv) Menyewa kepada agensi-agensi yang memerlukan seperti Institusi Pengajian Tinggi Swasta

PR1242T44930 (125)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN :**

**MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG  
TERAP]**

**DARIPADA**

**28 JUN 2011**

**TARIKH**

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang**

**SOALAN [as] :**  
**DEWAN**  
**RAKYAT**

**Terap ] minta MENTERI LUAR NEGERI**

menyatakan status terkini pelaksanaan  
cadangan-cadangan yang diberikan Majlis  
Hak Asasi Manusia (PBB) semasa sesi  
Universal Periodic Review (UPR) pada tahun  
2009.

**BAGI JAWAB  
BUKAN LISAN**

**Y.B. TUAN**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada 11 Februari 2009, Malaysia telah pun melalui proses semakan PBB iaitu *Universal Periodic Review* (UPR). UPR ini merupakan mandat oleh PBB kepada Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) untuk mengendalikan proses semakan ke atas obligasi dan komitmen hak asasi manusia oleh setiap negara anggota PBB. Semasa proses semakan tersebut Laporan Negara Malaysia telah dibentangkan dan ia merangkumi aspek-aspek hak asasi manusia seperti sistem perundangan, program pelaksanaan, masalah-masalah yang dihadapi untuk melindungi dan mempromosi hak asasi manusia, cadangan penambahbaikan kepada sistem hak asasi manusia yang sedia ada serta kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam memastikan hak asasi manusia dilindungi.

2. Hasil daripada sesi UPR tersebut, Malaysia telah menerima enam puluh dua (62) saranan, menolak dua puluh tiga (23) saranan dan telah memberi respons terhadap sembilan belas (19) saranan semasa Sesi Kesebelas (ke-11) Majlis Hak Asasi Manusia yang telah berlangsung dari 2 hingga 19 Jun 2009.

3. Saranan-saranan yang diterima ini meliputi pelbagai aspek berkenaan dengan hak asasi manusia, di mana tanggungjawab bagi memenuhi setiap saranan tersebut terletak di bawah bidang kuasa pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Kerajaan juga mengambil

serius akan saranan-saranan yang diterima dan merasakan perlunya satu sistem yang efisien bagi memastikan setiap saranan yang diterima dipenuhi.

4. Dalam hal ini, terdapat sesebuah Jawatankuasa Antara Agensi untuk menyelaraskan isu hak asasi manusia yang diterajui oleh Kementerian Luar Negeri (KLN). Di bawah Jawatankuasa induk ini pula, satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan dan diberi mandat khusus untuk meneliti dan memantau perkembangan pelaksanaan tindakan susulan terhadap saranan yang diterima. Jawatankuasa Kerja ini dipengerusikan oleh KLN dan dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi berkenaan dan bermesyuarat secara berkala.

5. Namun, perlu ditegaskan di sini bahawa kebanyakan saranan yang diterima itu bersifat terlalu umum di mana kemajuannya sukar diukur dalam masa yang singkat. Antara lainnya adalah seperti saranan yang meminta Malaysia untuk berkongsi pengalaman bersama negara lain dengan tujuan untuk mendidik pelajar-pelajar mengenai nilai-nilai toleransi dan keterbukaan di dalam agama Islam. Contoh lain juga termasuk saranan supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih efektif dalam menambahbaikkan implementasi undang-undang Syariah.

Sekian, terima kasih.



NO. SOALAN: 126

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**SOALAN:**

**Dr. Mujahid Bin Haji Yusof Rawa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ajaran sesat untuk panduan kaum muslimin supaya tidak terjebak dalam ajaran-ajaran ini.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini terdapat sebanyak 98 ajaran sesat yang telah difatwakan sesat oleh negeri-negeri seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 10 buah kumpulan ajaran sesat telah dikenalpasti sebagai aktif di seluruh negara oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), iaitu:

(a) Ajaran Syiah

(b) Bekas Kumpulan Al-Arqam, /Rufaqa7Global Ikhwan Sdn.Bhd

- (c) Islam Jemaah
- (d) Ajaran Al-Mansur
- (e) Tarikat Naqsyabndiah Khalidiah
- f) Ajaran Pemuda Kahfi
- g) Tarikat Naqsyabandiah Khalidiah Syeikh Nazim
- h) Ajaran Qadiani/Ahmadiyah
- i) Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya dan j)  
Ajaran Aurad Ismailiah.

Senarai terperinci ajaran-ajaran sesat secara keseluruhannya adalah seperti **dilampiran**.

Sekian, terima kasih.

**Lampiran**

**SENARAI KUMPULAN AJARAN SESAT YANG TELAH DIFATWA  
HARAM**

<b>BIL</b>	<b>NAMA AJARAN</b>	<b>TAHUN MUNCUL</b>	<b>NEGERI</b>
1.	Ajaran Thubud/Subud	1950	Kelantan
2.	Ajaran Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya	1960	Rawang, Selangor & Kota Bharu Kelantan
3.	Ajaran Qadiani Ahmadiyah	1960	Selangor & Sabah
4.	Kumpulan Al-Arqam	1968	Seluruh Malaysia
5.	Ajaran Muffaridiah	1970	Selangor
6.	Ajaran Taslim	1970	P.Pinang, Johor, Kedah, Terengganu, KL
7.	Tarikat Roket	1970	Johor
8.	Ajaran Ilmu Wali Suci	1970	Kuala Lumpur
9.	Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol	1971	Selangor, N. Sembilan & Pahang
10.	Ajaran Hasan Anak Rimau	1971	Seluruh Malaysia
11.	Ajaran Ab. Mutalib (Nabi Isa AkhirZaman) @ Ajaran Empat Sahabat	1974	Kelantan
12.	Ajaran Al-Mas/ Tarikatul Islam/ Kumpulan Ikhwan	1974	Cheras KL, Umbai Melaka & N. Sembilan

13.	Ajaran Wak Hambali	1974	Batu Pahat Johor
14.	Ajaran Cerang Meliling	1976	Terengganu
15.	Ajaran Husin bin Ali	1976	Terengganu
16.	Ajaran Rohaniah M.Z. Affendi	1976	Selangor
17.	Ajaran Cik Maimun (Zulfakar)	1976	Kelantan
18.	Ajaran Islam Jamaah	1977	Selangor & Sabah
19.	Ajaran Hj. Kamaruddin	1978	Selangor
20.	Ajaran Abu Bakar Bappo	1978	Johor
21.	Ajaran Crypto (Mokhtar Hasan	1978	Selangor & P. Pinang
22.	Pertubuhan Nasrul Haq	1978	Seluruh Malaysia
23.	Ajaran Aurad Ismailiah	1979	Sik Kedah, Hulu Langat Selangor & Kota Tinggi Johor dan Pahang
24.	Ajaran Syiah	1979	Johor, Perak, Selangor, Kelantan & KL
25.	Ajaran Syed Abdullah	1979	Kuala Lumpur
26.	Tarikat Ahmadiyah Syazaliah @ Selubung Hijau	1979	Perak
27.	Ajaran Wahdatul Wujud (Umi Khatijah bt. Ali)	1980 an	Selangor
28.	Tarikat Naqsyabandiah Khalidiah (Syekh Nazim Haqqani)	1980an	Kuala Lumpur, Selangor

29.	Ajaran Mohd. Nasir bin Ismail	1980	Batu Pahat Johor
30.	Ajaran Badariah	1980 an	Perak
31.	Ilmu Laduni Khalidah (Khalid bin Arshad)	1980 an	Petaling Jaya Selangor
32.	Ajaran Kiyai Agoes	1980 an	Selangor
33.	Tarikat Nurul Zaman	1980 an	N. Sembilan
34.	Kumpulan Tal Tujuh	1980an	Kelantan
35.	Ajaran Ratib Kuat Ayah Pin @ Ariffin Muhamad	1982	Terengganu, Kelantan, Perak & Pahang
36.	Ajaran Pak Uyt	1982	Sabah
37.	Ajaran Tok Ayah	1982	Bidor Perak
38.	Tarikat Kabulani @ Wali Allah	1983	Pandan, Johor
39.	Ajaran Anti-Hadis @ Ajaran Al-Quran	1985	Semua Negeri
40.	Ajaran Ilmu Tajali Ahmad Laksamana @ Hakikat Insan	1985	Kelantan & Selangor
41.	Ajaran Mohd. Norseman	1986	Kelantan
42.	Ajaran Ilmu Mentauhidkan Allah	1987	K. Lumpur
43.	Budi Suci	1987	Kuala Lumpur

44.	Al-Watan	1987	Kuala Lumpur
45.	Budi suci Sejati	1987	Kuala Lumpur
46.	Jawa Faradin	1987	Kuala Lumpur
47.	SilatSunda Pukulan Maut	1987	Kuala Lumpur
48.	Tusuk Hikmat	1987	Kuala Lumpur
49.	Ilmu Kebatinan	1987	Kuala Lumpur
50.	Potong Maya	1987	Kuala Lumpur
51.	Naluri	1987	Kuala Lumpur
52.	Kaula	1987	Kuala Lumpur
53.	Haqqullah Syahadah	1987	Kuala Lumpur
54.	Rampai	1987	Kuala Lumpur
55.	Kalimah Sakti	1987	Kuala Lumpur
56.	Silat Pukulan Jarak Jauh	1987	Kuala Lumpur
57.	Ilmu Tenaga Dalam Hikmat	1987	Kuala Lumpur
58.	ZikirShadun Islam Haq	1987	Kuala Lumpur
59.	Asal Wujud Garis Laksamana	1987	Kuala Lumpur
60.	Al- Ma'zat	1987	Kuala Lumpur
61.	Trancendental Meditation	1987	Kuala Lumpur
62.	Ajaran Bahai	1987	Kuala Lumpur
63.	Ajaran Wali Sembilan	1988	Kuala Lumpur
64.	Ajaran Abu Darsan (BW)	1988	Pahang

65.	Ajaran Nordin bin Puteh	1988	Selangor
66.	Ajaran Pendawo Lima	1988	Batu Pahat Johor
67.	Ajaran Salleh bin Salim	1988	Pontian Johor
68.	Kuasa Ghaib (Tahan Diri)	1988	Kuala Lumpur
69.	Syed Mutalib bin Syed Md. Nordin	1988	Kuala Lumpur
70.	Ajaran Pak Teh Selamat@ Tok Ayah Selamat	1989	Kota Bharu Kelantan
71.	Tarikat Hasaniah	1990	Kuala Lumpur & Selangor
72.	Ajaran Maidin Mamat	1990	Kelantan
73.	Ajaran Mohd. Yamin bin Abdul Rahman	1990	Kelantan
74.	Ajaran Ishak Saad	1990	Perak
75.	Ajaran Daud Majid	1990	Kota Bharu Kelantan
76.	Ajaran Wan Omar	1990	Kota Bharu Kelantan
77.	Ajaran Sufi Lembek	1990	Kelantan
78.	Ajaran Wan Ismail bin Hasan	1990	Kota Bharu Kelantan
79.	Ajaran Hj. Banuar	1990	Selangor
80.	Ajaran Hj. Kahar bin Ahmad	1991	KI & Selangor
81.	Ajaran Marta bat Tujuh/Wahdatul Wujud (Hamzah Embi)	1991	Selangor, Negeri Sembilan & Perak

82.	Ajaran Rahim	1994	KL & Selangor
83.	Ajaran Abdul Razak bin Mohamad (Ajaran Ilmu Makrifat)	1994	Wilayah Persekutuan
84.	Ajaran Hj. Ghazali bin Othman	1994	Selangor
85.	Ajaran Ilmu Putus Dunia Akhirat (Abdullah Sani) Sg. Siput	1994	Perak
86.	Ajaran Hakikat Jahar Dumin	1995	Selangor
87.	Ajaran Juruzon	1996	Kuala Lumpur
88.	Ajaran Tabrani	1996	Pahang
89.	Ajaran PakTeh Mat Nor (Bomoh)	1998	Pahang
90.	Ajaran Sulaiman (Bahtera Nabi Noh)	1998	Selangor
91.	Ajaran Ilmu Hakikat Hasan Juned	1998	Selangor
92.	Kumpulan Al-Maunah	1998	Selangor
93.	Ajaran Melayu Baru	1999	Pahang & K. Lumpur



94.	Ajaran Tok Mat Janggut	1999	P. Pinang
95.	Ajaran Tok Husin Janggut	1999	Kedah
96.	Ajaran Al-Mansur/Ajaran Azhar Bin Wahab	2004	Selangor, Melaka, Kelantan, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Terengganu
97.	Tarikat Naqsyabandiah Khalidiah	2011	Perak
98.	Ajaran Pemuda Kahfi	2011	Selangor

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2011) \_\_\_\_\_**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**SOALAN**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan insentif yang diberi kepada pembayar zakat secara individu ataupun syarikat bagi menggalakkan pembayaran zakat.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi menggalakan pembayaran zakat di kalangan umat Islam, Kerajaan telah memperkenalkan

**NO. SOALAN : 128**

insentif dalam bentuk potongan rebat cukai pendapatan ke atas zakat yang dibayar oleh individu yang bermastautin di Malaysia. Insentif tersebut telah diperkenalkan mulai tahun 1978 melalui seksyen 6A (3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53).



Manakala bagi menggalakkan pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat, rebat cukai telah diberikan juga kepada syarikat luar pesisir di Labuan sejak 2004 berdasarkan Seksyen 8A dan II Labuan Offshore Business Activity Act (LOBATA 1960).

Selain itu, dimaklumkan juga bahawa Kerajaan melalui pembentangan bajet 2005 pada 10 September 2004 telah mengambil langkah positif memberikan potongan cukai daripada pendapatan agregat tidak melebihi 2.5% ke atas zakat perniagaan yang dibayar oleh syarikat-syarikat berdasarkan Seksyen 44(11 A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53). Pemberian potongan cukai ini juga telah diperluaskan kepada koperasi- koperasi di Malaysia melalui pembentangan Bajet 2007 pada 1 September 2006.

Sekian, terima kasih.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI  
YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR]**

**TARIKH**

**28 JUN 2011**

**SOALAN**

**MEMINTA**

**MENTERI**

**PELANCONGAN:**

Menyatakan penyelarasan dengan Menteri Dalam Negeri antara dasar menerima pelancong asing dan kesannya kepada keselamatan awam di negara ini.

**Jawapan**

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Buntar, secara dasarnya, Kementerian Pelancongan melalui agensinya, Tourism Malaysia adalah bertanggungjawab bagi mempromosikan Malaysia supaya pelancong asing datang melancong ke negara ini. Pada masa yang sama juga, Kementerian Pelancongan sentiasa berusaha untuk memastikan Malaysia sentiasa mendapat tempat di hati pelancong.

Manakala Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia, dengan kerjasama agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), melaksanakan pemantauan, pemeriksaan serta penguatkuasaan terhadap warganegara asing termasuk para pelancong yang berada di Malaysia. Ini adalah bagi

mengawal dan memastikan warganegara asing yang berada di negara ini tidak melanggar mana-mana undang-undang yang akan menjejaskan ketenteraman serta keselamatan awam rakyat Malaysia. Mana-mana warga asing yang melanggar syarat dan menyalahgunakan pas sosial boleh didakwa dan dikenakan tindakan undang-undang di bawah kuasa Jabatan Imigresen Malaysia seperti yang termaktub di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Di dalam melaksanakan tanggungjawab bagi membangun dan mengembangkan industri pelancongan negara, Kementerian Pelancongan sentiasa bekerjasama dengan kementerian dan agensi kerajaan lain bagi memastikan isu-isu berkaitan industri pelancongan dapat ditangani demi kebaikan negara amnya.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Dalam Negeri sering kali mengadakan perbincangan dan mesyuarat berkaitan sebarang isu atau perkara '*cross cutting*'<sup>1</sup> di antara kedua-dua kementerian. Di antara mesyuarat tetap yang melibatkan kedua-dua kementerian adalah Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pelancongan dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kemasukan Pelancong Asing di Pintu Masuk Negara.

Kementerian Pelancongan akan sentiasa memastikan bahawa urusan keselamatan negara tidak diabaikan dalam usaha menarik pelancong ke negara ini.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN  
LISAN**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA** DR. MUJAHID HAJI YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]

**SOALAN :**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan usaha memelihara kawasan tadahan hujan dari dicerobohi untuk tujuan pembangunan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Artikel 74(2), Perlembagaan Malaysia, hutan dan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Justeru itu, Kerajaan Pusat tidak mempunyai

sebarang peruntukan kuasa perundangan terhadap kegiatan pencerobohan atau pemusnahan kawasan tadahan air di negeri- negeri.

Walaupun begitu, Seksyen 10 (1) dalam Akta Perhutanan Negara, 1984 memperuntukkan supaya Pihak Berkuasa Negeri, mengelaskan kawasan tadahan air dalam Hutan Simpanan Kekal kepada 'Hutan Tadahan Air', dan seterusnya ia diklasifikasikan sebagai kawasan Hutan Perlindungan. Dengan pewartaan kawasan hutan ini sebagai Hutan Tadahan Air, maka sebarang aktiviti pembalakan dan pembukaan tanah adalah dilarang. Kerajaan Negeri juga mempunyai kuasa perundangan di bawah Enakmen Perhutanan Negeri yang berfungsi dalam mengawal dan mengurus kawasan-kawasan tersebut daripada sebarang kegiatan pencerobohan dan pembukaan tanah.

Namun begitu, pihak Kementerian dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) turut memainkan peranan dengan menyediakan garis-garis panduan dalam usaha melindungi kawasan tadahan air di Semenanjung Malaysia. Di antara tindakan yang diambil termasuk:

- i. Menggesa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri supaya mempercepatkan proses pewartaan Kawasan Hutan Tadahan Air. Sehingga 31 Mei 2011, kawasan hutan tadahan air yang telah dikenalpasti adalah seluas 841,608 hektar dan 89% atau 750,923 hektar telah berjaya diwartakan sebagai hutan



tadahan air. Baki kawasan yang belum diwartakan adalah seluas 90,685 hektar iaitu, sebahagian kawasan hutan tadahan air yang dikenalpasti di Negeri Kedah;

- ii. Mewujudkan Kaedah Hutan Tadahan Air sebagai langkah bagi menyeragamkan urusan pentadbiran dan pengurusan kawasan Hutan Tadahan Air di negeri-negeri. Kaedah ini telah diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara Ke-22 pada 24 November 2009 untuk diterimapakai oleh semua kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia, Ia merangkumi aspek perancangan, pengurusan, pembangunan, perlindungan, pemeliharaan, pemuliharaan dan pengawalan kawasan hutan tadahan air. Kaedah ini juga menggariskan sekatan yang boleh dilaksanakan bagi maksud perlindungan dan kawalan sumber air dalam hutan tadahan air seperti menyekat dan melarang aktiviti yang memudaratkan kualiti air dan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 130**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**RUJUKAN 3824**

**SOALAN:**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha yang dibuat untuk memulihkan imej polis dari berbagai insiden yang berlaku bagi menggalakkan rekrut baru menyertai perkhidmatan kepolisian.

**JAWAPAN:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

PDRM sentiasa berusaha menarik minat masyarakat khususnya golongan remaja yang berkecenderungan untuk berkhidmat dalam PDRM. Pelbagai pendekatan telah diambil oleh PDRM untuk mendekati rakyat bagi menyampaikan mesej positif mengenai perkhidmatan kepolisian. Antara usaha yang dijalankan oleh PDRM ialah bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan- persatuan setempat serta parti-parti politik untuk berkempen mengenai perkhidmatan kepolisian.

Menubuhkan Kor Kadet Polis di peringkat sekolah menengah dan Sukarelawan Siswa/Siswi (SUKSIS) di peringkat pengajian tinggi. Melalui penubuhan pasukan sukarelawan polis ia dapat mendedahkan golongan remaja kita kepada perkhidmatan kepolisan ini. Langkah ini memberi impak yang sangat positif dan menggalakkan dalam meningkatkan imej PDRM di mata masyarakat terutamanya remaja.

PDRM juga sering mengadakan ceramah dan pameran sebagai salah satu langkah untuk mendekati hati rakyat. Ceramah dan pameran ini diadakan di setiap peringkat iaitu sekolah rendah dan menengah, institusi pengajian tinggi serta acara-acara kemasyarakatan di peringkat kebangsaan, negeri mahupun daerah.



Penggunaan media baru seperti laman sesawang 'Facebook' dan laman sesawang PDRM dapat membantu PDRM menyalurkan informasi terkini dengan cepat ke seluruh negara. Ini dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan PDRM khususnya seterusnya menaikkan imej PDRM amnya.

PDRM turut bekerjasama dengan produksi penerbitan filem dan drama untuk menarik minat dan keinginan golongan remaja untuk menyertai perkhidmatan kepolisan. Elemen hiburan berinformasi menerusi kerjasama dengan produksi filem dan drama mampu menunjukkan kebolehan dan kemampuan PDRM kepada rakyat.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH  
[SUBANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid-murid yang mengambil matapelajaran Sastera Melayu, sastera Inggeris, sastera Mandarin dan sastera Tamil untuk SPM dan STPM pada tahun 2006 hingga 2010 dan juga pencapaian gred-gred mereka. Tolong berikan jumlah untuk setiap kategori gred tertinggi sehingga terendah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah calon yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, Kesusasteraan Cina dan Kesusasteraan Tamil dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak tahun 2006

**RT 10/131**

hingga 2010 serta pencapaian mereka adalah seperti berikut:

Mata pelajaran	Tahun	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E	GAGAL	BIL. Duduki
Kesusasteraan Melayu	2006		245	716	1611	2888	3795	5103	7060	7697	11809	40,924
	2007		490	1172	2190	3138	3229	4112	5918	6112	12320	38,681
	2008		430	1079	2065	2999	3172	4304	5537	5497	10522	35,605
	2009	6	341	902	2049	3295	1479	3805	6347	4824	8131	33,879
	2010	336	1316	1899	2665	2728	3405	3406	4714	4067	6373	30,909
Kesusasteraan Cina	2006		309	188	194	191	161	163	220	175	551	2,152
	2007		413	323	286	246	237	223	288	278	678	2,972
	2008		291	198	217	187	241	204	289	188	567	2,382
	2009	134	375	250	250	206	179	180	181	200	596	2,551
	2010		231	214	221	169	166	168	156	160	498	1,983
Kesusasteraan Tamil	2006		332	273	377	447	361	391	311	281	571	3,344
	2007		342	514	521	557	513	472	358	208	470	3,955
	2008		468	368	366	386	425	300	265	189	479	3,246
	2009	36	496	373	444	365	360	310	248	175	380	3,187
	2010		515	360	371	325	310	255	197	152	281	2,766

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH  
[SUBANG]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid-murid yang mengambil matapelajaran Moral dan Agama untuk SPM pada tahun-tahun 2006 hingga 2010 dan juga pencapaian gred-gred mereka, iaitu jumlah untuk setiap kategori gred.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah calon yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 2006 hingga 2010 serta pencapaian mereka adalah seperti berikut:

**RT 11/131**

Mata pelajaran	Tahun	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E	GAGAL	BIL. Duduki
Pendidikan Islam	2006		19336	22743	29660	36931	38174	32736	13852	11916	35649	240997
	2007		33150	37690	40741	36148	30641	25467	10215	9427	25813	249292
	2008		23978	36025	42719	41482	35717	28512	11585	8413	27402	255293
	2009	7830	23751	37485	39779	37628	35724	30871	12462	10192	30285	266007
	2010	7298	25809	32536	38288	40296	35375	30898	13952	10037	30897	265386
Pendidikan Moral	2006		12915	12207	11166	10718	13540	12328	9452	10837	33081	126244
	2007		10573	12417	14226	14515	14795	15645	11101	10717	35736	139725
	2008		12186	15266	14806	12050	13298	13763	12024	9218	33948	136559
	2009	7796	9176	16819	16368	13165	12469	13228	11229	10122	31580	141952
	2010	7547	11255	20672	17185	14306	13370	10769	9898	8142	31200	144371





**SOALAN NO: 133**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH

SOALAN:

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan daripada 1.3 juta pekerja yang dikaji di NER 2009 yang berpendapatan kurang RM 700 sebulan (34%), jumlah pekerja asing dan pecahan kaum dan jumlah berkenaan untuk pekerja Malaysia. Juga, menyatakan angka-angka yang sama untuk pekerja-pekerja yang berpendapatan kurang RM 1500 di NER tersebut.

PR-1242-T44536

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Kajian Penyata Gunatenaga (NER) dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia setiap dua tahun sekali. Sebanyak dua kajian telah dihasilkan iaitu pada tahun 2007 dan 2009. Bagi memastikan kesinambungan kajian yang dilaksanakan, kajian NER terbaru dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun 2011. Matlamat utama kajian NER ini dilaksanakan adalah untuk :

a) Mengumpulkan maklumat tenaga kerja negara dengan matlamat

mengemaskini pangkalan data dan mendapatkan maklumat berkenaan pekerja dari segi bilangan pekerja dan kadar gaji mengikut sub sektor ekonomi dan kumpulan pekerjaan.

- b) Mengadakan pangkalan data semasa yang menyeluruh mengenai komponen tenaga kerja negara untuk kegunaan kerajaan, perindustrian, sektor swasta dan lain-lain,
- c) Mengeluarkan statistik berkenaan tenaga kerja semasa (tempatan, ekspatriat dan tenaga kerja asing); dan
- d) untuk membantu pembuat dasar negara berkaitan perancangan dan pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang Dipertua,

2. Kajian Penyata Gunatenaga (NER) Tahun 2009 adalah melibatkan 31,995 sampel kajian daripada Pangkalan Data Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia. Sebanyak 24,508 (77%) majikan memberi maklumbalas kepada kajian ini yang melibatkan sejumlah 1,332,317 orang pekerja. Mengikut jenis pemilikan syarikat 46.8% adalah terdiri daripada Syarikat Sendirian Berhad, sementara 33.4% adalah Syarikat Pemilikan Tunggal, manakala 10.4% terdiri daripada Syarikat Perkongsian, 5.2% Syarikat Berhad dan 4.2% adalah terdiri daripada lain-lain syarikat.

Tuan Yang Dipertua,

3. Berdasarkan penemuan Kajian Penyata Gunatenaga (NER) 2009, didapati seramai 452,042 pekerja (33.9%) mendapat gaji kurang daripada RM700 sebulan sementara sebanyak 942,025 pekerja (70.7%) menerima gaji dibawah RM1,500.

4. Berdasarkan pecahan mengikut kaum di kalangan warganegara yang menerima gaji kurang daripada RM700, sebanyak 140,113 orang pekerja (62.9%)

terdiri daripada bangsa Melayu, manakala 11,937 pekerja (5.4%) berbangsa Cina, 26,356 pekerja (11.8%) berbangsa India dan 44,346 (19.9%) pekerja terdiri daripada lain-lain bangsa.

5. Berdasarkan pecahan mengikut kaum yang menerima gaji kurang daripada RM1,500 pula, sebanyak 373,144 orang pekerja (64.0%) terdiri daripada bangsa Melayu, manakala 60,601 pekerja (10.4%>) berbangsa Cina, 66,777 pekerja (11.5%) berbangsa India dan 82,613 (14.1%) pekerja terdiri daripada lain-lain bangsa.

Tuan Yang Dipertua,

6. Bilangan pekerja asing yang bergaji di bawah RM700 adalah sebanyak 229,290 orang. Manakala pekerja asing yang bergaji di bawah RM1500 pula adalah seramai 358,890 orang.

*Jadual 1*

**Bilangan Pekerja Warganegara dan bukan warganegara yang menerima gaji dibawah RM700 dan RM1,500.**

Maklumat Tambahan							
Etnik	bilangan	peratus	Gaji Rata-rata RM1,500	bilangan	bilangan	%	Jumlah pekerja
<b>Warganegara</b>							
Melayu	140,112	62.9	373,144	64.0	170,953	45.7	544,097
Cina	11,937	5.4	60,601	10.4	145,516	38.9	206,117
India	26,356	11.8	66,777	11.5	31,846	8.5	98,623
Lain-lain	44,346	19.9	82,613	14.1	26,065	6.9	108,678
<b>Jumlah Pekerja Warganegara</b>		<b>mu</b>	<b>583,135</b>	<b>HR</b>	<b>374,380</b>	<b>m</b>	<b>957,515</b>
<b>Bukan Warganegara</b>							
<b>Pekerja Asing</b>	<b>229,290</b>		<b>358,890</b>		<b>15,192</b>		<b>374,802</b>
<b>Jumlah Pekerja Warganegara dan Asing</b>	<b>HW1</b>	<b>8111</b>	<b>942,025</b>	<b>70.7</b>	<b>390,292</b>	<b>29.4</b>	<b>1,332,317</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN 3825**

**SOALAN:**

**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah kebanyakan daripada 1,300 orang tahanan yang mati dalam Pusat Tahanan Imigresen (IDC) antara**

tahun 2002 hingga 2008 adalah disebabkan oleh penyakit boleh  
dijangkit akibat kemudahan yang kurang bersih dan ruang yang tidak  
mencukupi.

**NO. SOALAN : 135**

**JAWAPAN:**  
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *The Working Group on Arbitrary Detention (WGAD)* dari *United Nations Human Rights Council* telah melakukan lawatan ke Malaysia dari tempoh 7 hingga 17 Jun 2010 atas jemputan dari Kerajaan. Dalam laporan yang telah dikeluarkan oleh pihak WGAD, mereka menyatakan bahawa dalam tempoh tahun 2003 hingga 2007 kira-kira 1,500 orang telah mati dalam tahanan. Walau bagaimanapun ingin diperjelaskan di sini bahawa jumlah kematian yang dinyatakan merujuk juga kepada kematian tahanan dari penjara serta pusat pemulihan, dan bukan dari depot imigresen semata-mata.

Kematian tahanan dari depot imigresen dalam tempoh yang dinyatakan oleh pihak WGAD tersebut tidak terhad kepada disebabkan oleh penyakit berjangkit semata-mata, sebaliknya merangkumi kematian dari pelbagai punca seperti *Head Injury*, Kerosakan Organ Dalaman, *Sepsis With Cardiac Failure*, AIDS dan *Ischaemic Heart Disease*. Namun Kementerian senantiasa berusaha untuk menambah baik pengurusan di depot-depot imigresen seperti penaiktarafan infrastruktur dan meningkatkan penekanan terhadap aspek kebajikan dan kesihatan tahanan. Sebagai contoh, keperluan

rawatan kesihatan di depot-depot imigresen telah diperkembangkan melalui langkah-langkah seperti:

- a. Mengatur rawatan berkala dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memberi rawatan kepada tahanan di depot;
- b. Dalam kes-kes kecemasan atau sakit di mana tahanan memerlukan rawatan segera, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) bekerjasama untuk memberikan rawatan awal serta khidmat ambulans untuk menghantar tahanan ke hospital; dan
- c. Tahanan yang memerlukan rawatan khusus akan dibawa ke klinik atau hospital mengikut keperluan rawatan yang ditentukan.

Di samping itu terdapat pihak *Non-Governmental Organization* (NGO) atau Badan Sukarela yang membantu memberi rawatan kesihatan kepada tahanan, antaranya seperti Kesatuan Buddhist Tzu-Chi Malaysia dan kumpulan ACTS Sdn Bhd. Selain dari itu, terdapat juga Badan Antarabangsa seperti, *International Committee of The Red Cross* (ICRC) yang membuat lawatan ke depot-depot dan memberi ulasan dan cadangan mengenai tahap kebersihan dan kesihatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ]**

**RUJUKAN 3826**

**NO. SOALAN : 136**

**SOALAN:**

**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dakwaan bahawa polis bersuhabat meminta wang tebusan sebanyak RM13,000 hingga RM15,000 bagi membebaskan mangsa tahanan di bawah Ordinan Darurat (EO) yang bernama Muhammad Arif Abu Semah, Mohamad Ramadhan dan Mohd Rafe Ali yang ditahan pada 2 Mac dan 24 Mac 2011 masing-masing, serta tindakan yang akan diambil terhadap polis yang terbabit.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Kes ini telah dilaporkan di IPD Gombak oleh Rohana Binti Mohamad Ali iaitu kakak kepada Mohamad Ramadhan dan Mohamad Rafe yang ditahan dibawah Seksyen 3(1) Ordinan Darurat 1959. Laporan polis ini kemudiannya telah dirujuk semula ke Balai Polis Rawang memandangkan kejadian tersebut berlaku di Rawang. Kertas siasatan bagi kes ini telah dibuka dan siasatan dijalankan dibawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan. Pihak PDRM buat masa ini masih menyiasat kes tersebut.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
[TENGGARA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS



**SOALAN NO: 137**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [ TENGGARA ] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewajibkan semua pelajar yang memohon untuk memasuki Sekolah Berasrama Penuh (SBP) menduduki peperiksaan khas contohnya aptitude test bagi memastikan hanya pelajar yang berkebolehan dari segi akademik, sahsiah dan peribadi terpilih untuk menyambung belajar di SBP.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga kini belum ada cadangan mana-mana pihak untuk mewajibkan ujian Aptitud kepada murid yang memohon untuk memasuki Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Walau bagaimanapun, ujian Aptitud yang dilaksanakan oleh Lembaga Peperiksaan (Lembaga Peperiksaan) selepas UPSR boleh dirujuk sebagai satu panduan untuk memilih dan menempatkan murid ke SBP.

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATUK HAL I MAH BINTI MOHD  
SADIQUE

SOALAN:

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah majlis bagi menyelaras dan menetapkan gaji minimum pekerja sektor swasta negara ini bagi memastikan mereka mendapat pendapatan melebihi garis kemiskinan.

PR-1242-T43275

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

I

**SOALAN NO: 138**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

1. Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah majlis bagi menyelaras dan menetapkan gaji minimum pekerja sektor swasta negara ini bagi memastikan mereka mendapat pendapatan melebihi garis kemiskinan. Untuk tujuan tersebut, Rang Undang-Undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (RUU MPGN) telah dibentangkan pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ke Empat, Parlimen



Kedua Belas, pada 21 Jun 2011. Setelah RUU MPGN ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Majlis Perundingan Gaji Negara akan ditubuhkan sebagai platform utama dalam deliberasi dan penetapan upah termasuk menentukan kadar gaji minimum dan mekanisme pelaksanaannya.

2. Majlis Perundingan Gaji Negara akan berperanan membuat perakuan / syor gaji minimum dan seterusnya akan mengangkat syor tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan. Dalam hal ini, polisi gaji minimum boleh dilaksanakan setelah semua proses dan persediaan diselesaikan, yang dijadualkan penghujung tahun ini.

3. Berhubung dengan kadar gaji minimum, buat masa ini ia masih diperhalusi dari pelbagai aspek seperti inflasi, produktiviti, kadar pengangguran, pertumbuhan KDNK dan sebagainya. KSM telah melantik Bank Dunia untuk menjalankan satu kajian mengenai gaji minimum dan dijangka Kementerian menerima laporan Bank Dunia pada akhir bulan Julai 2011.

*<m(13-28Jun2011)/ias...31.5.11/XaCimaff r43275*



**NO. SOALAN: 138**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
[TENGARA]

SOALAN

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Program Transformasi Ekonomi (ETP) mampu meningkatkan pendapatan rakyat dan mengekalkan keupayaan untuk memiliki rumah sendiri.

CADANGAN JAWAPAN :

Dengan pelaksanaan 12 NKEA, hasil daripada makmal yang dijalankan dijangka sebanyak 3.3 juta pekerjaan akan terhasil daripada 131 EPP (Entry Point Project) menjelang tahun 2020. Majoriti daripadanya terdiri daripada pekerjaan berpendapatan sederhana dan pekerjaan berpendapatan tinggi dan dipacu oleh sektor swasta.

Matlamat utama ETP ini adalah untuk membantu Malaysia mencapai status Negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu ternyata bahawa ianya adalah satu program atau hala tuju jangka masa panjang yang akan menampakkan hasilnya sepenuhnya dalam 9 tahun yang akan datang.


Hasil daripada makmal NKEA yang telah dijalankan daripada bulan Jun hingga Julai 2010 tersebut, 3.3 juta pekerjaan akan diwujudkan hasil daripada ETP ini. Ianya terdiri daripada:

- 100,000 (atau 4%) pekerjaan dengan pendapatan bawah RM1.000 dihasilkan

- 1.1 juta (atau 33%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM1.000 hingga RM2.000 dihasilkan
- 900,000 (atau 27%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM2,000 hingga RM4,000 dihasilkan
- 700,000 (atau 21%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM4,000 hingga RM7.000 dihasilkan
- 300,000 (atau 10%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM7.000 hingga RM10.000 dihasilkan
- 200,000 (atau 5%) pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM10,000 dihasilkan

**NKEAs will create 3.3m jobs most of which will be medium-income or high-income jobs**

**Official Labour Retirements Salary Bracket Million Jobs**



EM^MDU #

- 
- 1 2.9 juta orang pada 2009, kepada 2.3 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan bawah RM 1,000 (penurunan sebanyak 600,000 orang)
  - 3.7 juta orang pada 2009, kepada 4.7 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM1,000 hingga RM2,000 (peningkatan sebanyak 1 juta orang)

- 3.3 juta orang pada 2009, kepada 4.6 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM2.000 hingga RM4,000 (peningkatan sebanyak 1.3 juta orang)
- 1.3 juta orang pada 2009, kepada 2.8 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM4.000 hingga RM7,000 (peningkatan sebanyak 1.6 juta orang)
- 300,000 orang pada 2009, kepada 1.2 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM7,000 hingga RM10,000 (peningkatan sebanyak 800,000 orang)
- 200,000 orang pada 2009, kepada 600,000 orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM10,000 (peningkatan sebanyak 400,000 orang)

Sejak Program Transformasi Ekonomi dilancarkan pada Disember 2010, pencapaiannya adalah seperti berikut:

- 87 inisiatif di bawah 65 EPP telah diumumkan dan dilancarkan
- Hasil daripada itu, komitmen pelaburan sebanyak RM169.78 bilion telah dibuat oleh sektor swasta
- 87 inisiatif tersebut akan menyumbang sebanyak RM220.15 bilion Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang tahun 2020
- Sebanyak 362,396 peluang pekerjaan akan terwujud hasil daripada 87 inisiatif tersebut

Dengan itu, kita seharusnya melihat bahawa buah atau hasil daripada program ETP ini dapat dipetik pada jangka masa panjang, dan sekiranya semua pihak termasuk sektor swasta bersama-sama terlibat secara aktif dalam inisiatif-inisiatif kerajaan tersebut, besar kemungkinan ia dapat mengekal atau menambah kebolehan rakyat Malaysia untuk memiliki rumah sendiri.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
 DARIPADADATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
 (TENGGARA)



**NO. SOALAN: 139**

**SOALAN**

Datuk Halimah Binti Mohd Sadique (Tenggara) minta PERDANA MENTERI menyatakan nilai transaksi pasaran hartanah di Johor bagi tahun 2010 dan nyatakan pertumbuhan di Iskandar Malaysia dalam menyumbang pasaran hartanah di Johor.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai transaksi pindah milik pasaran hartanah di Johor pada tahun 2010 adalah sejumlah RM11.74 bilion di mana 44% daripada jumlah tersebut telah disumbang oleh Iskandar Malaysia. Dari segi pertumbuhan, Iskandar Malaysia merekod kenaikan 23% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK H ALI MAH BINTI MOHD SADIQUE

[TENGGARA]

**NO SOALAN : 140**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN:**

**DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji struktur gaji penjawat awam sekarang di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) supaya mampu meningkatkan prestasi kakitangan awam khususnya dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan matlamat keperluan penjawat awam yang inovatif dan kreatif, serta berproduktiviti tinggi, pihak JPA pada masa ini sedang menyemak semula Sistem Saraan Malaysia yang akan melihat kepada struktur perkhidmatan, syarat-syarat perkhidmatan, struktur gaji, elaun dan kemudahan. Aspek-aspek yang dikaji adalah bagi struktur perkhidmatan yang kejut dan fleksibel, perolehan bakat- bakat terbaik dengan saraan yang menarik dalam menggalas tanggungjawab mentransformasikan negara.

**SOALAN NO : 141**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN : BUKANLISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHSINFADZLIBIN HAJI SAMSURI  
[BAGAN SERAI]**

**TARIKH**

**SOALAN**

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai) minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran pelarian *asylum seekers***

- (a) berapa ramai dan negara asal mereka sejak 2005; dan
- (b) apakah pelan dan tindakan jangka panjang untuk menangani masalah pelarian *asylum seekers* yang kini berada di Malaysia dan untuk menyekat pelarian- pelarian datang ke negara ini di masa hadapan.

**JAWAPAN: Y.B. DATO'SERI MOHAMEDNAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya PBB Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur sehingga Mei 2011, terdapat 93,609 "*persons of concern to the UNHCR*" di mana 83,573 orang layak ditakrifkan sebagai 'pelarian' dan 10,036 pemohon suaka (*asylum seekers*). Dari jumlah tersebut, 92%

3'

(85,844 orang} merupakan 'pelarian' atau pemohon suaka dari Myanmar.

b) Bagi memastikan pengurusan "persons of concern to the UNHCR" adalah lebih kemas dan tersusun, Arahan Majlis

Keselamatan Negara No.23 - mengendi Mekanisma Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad UNHCR telah dikeluarkan pada 2009 sebagai garis panduan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi mengendi tindakan yang perlu diambil dalam mengendalikan PATI yang memegang kad UNHCR. Beberapa pendekatan jangka pendek dan panjang sedang diteliti bagi menangani dan mengurus orang-orang yang layak ditakrifkan sebagai 'pelarian' atau pemohon suaka (asylum seekers) yang sekarang berada di Malaysia.

Kerajaan melihat pendekatan terbaik bagi menangani masalah ini adalah dengan menyelesaikan isu ini diperingkat akar umbi lagi, iaitu dengan mengenal pasti punca-punca wujudnya pemohon suaka (asylum seekers) dari negara sumber. Dalam konteks ini, kerajaan sering menyeru masyarakat antarabangsa agar berganding bahu dan memberi bantuan berterusan dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif di negara yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada fenomena pemohon suaka (asylum seekers) ini sebagai penyelesaian berkekalan dalam menangani isu banjir pemohon suaka (asylum seekers) di merata tempat di dunia.

Pada masa yang sama, kerajaan akan meningkatkan kawalan sempadan darat dan laut khususnya di pintu-pintu masuk negara

bagi menyekat kemasukan individu-individu berkenaan. Dalam hal ini, pelaksanaan sistem pendaftaran warga asing melalui sistem biometrik akan dapat mengenai pasti warga asing yang masuk secara sah yang seterusnya akan memohon status 'pelarian'.

Sekian, terima kasih.

mo' sx>:  
•NO. AUM: 142

**NOr-AUP-i**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI  
[ BAGAN SERAI ]  
TARIKH :  
RUJUKAN : 3828

SOALAN:

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan terhadap rakyat asing tanpa izin yang berniaga tanpa permit yang berniaga di pasar-pasar sekitar bandar-bandar Ipoh, Taiping, Pulau Pinang melalui ejen-ejen haram yang rata-ratanya terdiri daripada pendatang-pendatang yang telah mendapat status PR.  
Tuan Yang di-Pertua,

**JAWAPAN:**

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Bagan Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelesenan premis perniagaan adalah di bawah bidang tugas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dengan demikian sewajarnya tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga tanpa permit diketuai oleh PBT dan lain-lain agensi penguatkuasaan akan memberi kerjasama untuk memastikan warganegara asing tidak berniaga atau bekerja secara haram di premis-premis yang dilesenkan oleh PBT.

Warganegara asing yang bekerja di Malaysia tanpa Pas atau Permit yang sah boleh dihadapkan ke mahkamah di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang dari RM 10,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun, atau kedua-duanya sekali dan boleh dikenakan tidak lebih dari 6 sebatan.

Tindakan yang sama juga boleh diambil terhadap mana-mana majikan termasuk warganegara asing yang bertaraf Pemastautin Tetap, yang didapati mengambil PATI untuk bekerja, di mana mereka boleh dihadapkan ke mahkamah di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50.000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap orang pekerja yang diambil. Pada masa yang sama jika mereka didapati mengambil PATI

bekerja lebih dari 5 orang, mereka boleh dikenakan penjara tidak kurang dari 6 bulan tetapi tidak lebih dari 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

[ BAGAN SERAI ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [ BAGAN SERAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan selain iklan-iklan di surat khabar yang menawarkan kursus vokasional untuk menyambung pelajaran, apakah pendekatan lain dilaksanakan untuk menyedarkan golongan yang kurang cemerlang di bidang akademik supaya menyertai bidang vokasional dan teknikal.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi menyedarkan golongan kurang cemerlang dalam bidang akademik untuk menceburkan diri dalam bidang vokasional dan teknikal, beberapa program telah dirangka. Antaranya ialah:

- i. Ceramah di sekolah-sekolah kepada murid lepasan PMR
- ii. Mengadakan *gallery walk*
- iii. Mewar-warkan kejayaan dan pencapaian SMT/SMV di media cetak dan elektronik.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang merancang untuk melaksanakan transformasi pendidikan vokasional yang melibatkan kurikulum, struktur, metodologi dan kandungan kurikulum supaya ia selaras dengan kehendak industri dan

RT 14/143

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

setara dengan sistem pendidikan vokasional luar negeri. Transformasi ini akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2013. Pada tahun 2013, kesemua 78 buah Sekolah Menengah Vokasional akan dinaik taraf kepada Kolej Vokasional dan menawarkan program sehingga ke peringkat diploma.





**SOALAN NO: 72**

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

BERTULIS

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)

SOALAN

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah dasar-dasar dan tindakan Kerajaan untuk menangani isu kenaikan harga makanan dan supaya mengurangkan pergantungan kepada barang-barang import

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

Kenaikan harga bahan makanan asasi sememangnya merupakan fenomena global, dan Malaysia tidak terkecuali dalam fenomena tersebut. Perbandingan harga yang dibuat antara Malaysia dan Thailand bagi ayam, menunjukkan bahawa Malaysia secara relatifnya masih mempunyai harga yang rendah. Walau bagaimanapun, penggunaan ayam di Thailand secara *zero waste* berbanding di Malaysia menyebabkan nilai pasaran menjadi lebih rendah. Kos pengimportan bahan makanan dari luar negara terutamanya makanan ternakan seperti jagung, hampas kacang soya, hampas gandum telah meningkat sekali gus meningkatkan kos pengeluaran ternakan dalam negara. Di samping itu, kejatuhan nilai dolar Amerika juga memberi kesan ke atas harga input memandangkan negara-negara pengeksport menggunakan dolar sebagai pertukaran mata wang.

Bagi menangani isu kenaikan harga bahan makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini sedang mengambil pendekatan berikut:

- (i) bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam usaha membendung kenaikan harga bahan makanan; dan
- (ii) Kementerian juga mengadakan dialog bersama dengan persatuan- persatuan pengeluar bahan makanan utama bagi memastikan kenaikan harga pengeluaran berada di paras stabil dan untuk memelihara kepentingan petani/penternak/nelayan/usahawan.

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah import bahan makanan negara bagi tempoh Januari - Mac 2011 adalah RM7.6 bilion. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran bagi bahan makanan dan tahap sara diri komoditi makanan utama negara supaya negara tidak terus bergantung kepada bahan makanan yang diimport. Walau bagaimanapun, beberapa jenis komoditi yang tidak dapat dikeluarkan dalam negara disebabkan oleh ketidaksesuaian iklim, kos pengeluaran yang tinggi dan tidak ekonomik tetap akan diimport bagi menampung keperluan bahan makanan negara. Pelbagai langkah drastik dalam menjamin bekalan makanan dalam Negara telah dilaksanakan oleh Kerajaan seperti:

- (i) meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- (ii) membangunkan tanah pertanian secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa;

- (iii) membangunkan sistem rantaian bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan;
- (iv) menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka; dan
- (v) meningkatkan penglibatan pihak swasta menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi.

**NO SOALAN: 145**

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

BERTULIS

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri

(Bagan Serai)

SOALAN

TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah jumlah baki wang lebihan peruntukan subsidi racun perosak kepada petani yang tidak habis dibelanjakan atau diguna pakai oleh petani sejak 2005 hingga kini.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bantuan racun makhluk perosak merupakan salah satu bantuan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada September 2008 dengan kadar maksimum RM200/ha dan petani layak memilih daripada sejumlah 32 jenis racun makhluk perosak yang disediakan. Oleh itu, tiada maklumat sebelum tahun 2008.

Nilai subsidi yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi bantuan ini sepanjang tempoh 2008 hingga 2010 adalah sebanyak RM394.3 juta. Daripada jumlah ini, perbelanjaan yang telah disalurkan kepada petani sepanjang tempoh tersebut adalah bernilai RM344.7 juta. Ini bermakna baki peruntukan bantuan tersebut adalah berjumlah

RM49.6 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan hanya membayar nilai sebenar racun yang dibekalkan kepada pesawah.

Sebagai contoh, sekiranya kelayakan pesawah adalah RM200/ha dan nilai racun yang dipilih oleh pesawah adalah RM 195/ha, maka Kerajaan akan hanya membayar kepada pembekal sebanyak RM195 dan baki sebanyak RM5 tidak dikembalikan secara tunai kepada pesawah.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]

SOALAN

:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kefahaman rakyat terhadap nilai-nilai sistem demokrasi berparlimen.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bertanggung jawab menyampaikan maklumat kepada rakyat, termasuklah untuk mempertingkatkan kefahaman rakyat terhadap nilai-nilai sistem

**SOALAN NO: 78**

demokrasi berparlimen. Kementerian ini melaksanakan tanggung jawab tersebut melalui jentera penerangan Kerajaan iaitu media elektronik dan juga komunikasi bersemuka.

RTM sebagai media elektronik Kerajaan sentiasa menyebarkan maklumat-maklumat berkenaan melalui siaran Berita yang cepat dan tepat dan rancangan-ancangan majalah dan bual bicara seperti 'Wawancara' di TV1 dan turut menyiarkan rancangan-ancangan seperti

**SOALAN NO: 146**

'Warna Warni Warisan', 'Khabar Malaysia', 'Galeri Nasional' dan 'Let's Agree To Disagree' yang menyelitkan unsur-unsur kenegaraan sama ada secara langsung atau tidak langsung dan siaran pesanan khidmat awam di radio.

Di samping itu, kerjasama daripada stesen radio dan TV swasta juga didapati melalui pesanan khidmat awam yang diwajibkan melalui syarat lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kementerian ini juga berkerja rapat dengan Kementerian Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi dan Kementerian Kewangan untuk membantu di dalam memberi penjelasan dan penerangan kepada rakyat terhadap nilai-nilai sistem demokrasi berparlimen melalui rancangan radio dan TV berkaitan isu-isu semasa yang dibangkitkan.

Kementerian ini juga melaksanakan kajian keberkesanan program dan aktiviti Jabatan dan Agensinya bagi memastikan jentera penerangan Kerajaan berupaya melaksanakan tanggung jawab tersebut dengan berkesan.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK

[SIK]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan melalui Pelan Strategik Pendidikan 2011-2020, Elaun/bayaran Insentif Subjek bagi guru Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris, Guru-guru Minor subjek dan guru belum disahkan dalam lantikan walau pun dipaksa mengajar tetapi tidak layak untuk menuntut bayaran ini. Mengapa hal ini berlaku.

JAWAPAN



**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan mengajar subjek Bahasa Inggeris atau menggunakan kelayakan dalam bidang tersebut dalam tugas rasmi mereka. Pemberian BISP kepada PPP adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2002 (PP 15/2002) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 3 Tahun 2003 (SPP KPM 3/2003). Syarat-syarat ini meliputi dua (2) aspek iaitu kelayakan subjek dan kelayakan anggota terlibat. Bagi kelayakan subjek, PPP yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan mengajar subjek Bahasa Inggeris boleh dipertimbangkan untuk menikmati BISP. Bagi kelayakan anggota pula, PPP yang mengajar perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu:

- i) Syarat Kelayakan Opsyen;
- ii) Syarat Kelayakan Mengajar; dan

**iii) Syarat Mencapai Tahap Penguasaan Bahasa inggeris.**

Oleh yang demikian, mana-mana PPP yang memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam PP 15/2002 dan SPP KPM 3/2003 adalah layak menerima BISP. Pada masa ini, PPP lantikan tetap termasuk yang belum disahkan dalam jawatan juga adalah layak menerima BISP sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan. Bagi PPP yang bukan opsyen bidang Sains, Matematik atau Bahasa Inggeris, mereka hendaklah mempunyai pengalaman mengajar dalam subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan mengajar subjek Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya tiga (3) tahun berturut-turut sebagai memenuhi Syarat Kelayakan Opsyen di samping perlu memenuhi syarat-syarat lain yang dijelaskan di dalam PP 15/2002 dan SPP KPM 3/2003.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan Kerajaan telah memberi kemudahan cuti bersalin kepada guru wanita hingga jangka masa 3 bulan. Walaupun begitu di peringkat JPN dan PPD tidak menyediakan tenaga guru ganti yang bersesuaian dan berkelayakan. Murid-murid terbabit terabai begitu sahaja. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi mengatasi kekosongan sementara yang berlaku di sekolah apabila ketiadaan guru disebabkan :

- a. Cuti bersalin
- b. Cuti menunaikan haji
- c. Cuti sakit

- d. Cuti Rehat khas
- e. Cuti tanpa gaji
- f. Bertugas dalam kokurikulum / ko-akademik
- g. Menghadiri Kursus Dalam Perkhidmatan

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) akan melantik :

- a) Guru Ganti yang terdiri daripada murid lepasan SPM/STPM; dan
- b) Guru KGSK yang terdiri daripada pesara guru, bekas guru GSTT dan mereka yang memiliki ikhtisas pendidikan tetapi belum dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK

[SIK]

#### JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

##### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Sekolah Menengah Agama di bawah Kementerian Pelajaran, Kerajaan Negeri dan Sekolah Agama Rakyat di negara ini dan nyatakan peruntukan yang diberi untuk sekolah-sekolah ini mengikut komposisi sekolah

##### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

RT 17/150

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pada masa ini bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama adalah sebanyak 56 buah dan SABK sebanyak 159 buah. Sekolah-sekolah tersebut mendapat bantuan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti sekolah-sekolah KPM yang lain mengikut kelayakan sama ada sekolah kerajaan ataupun bantuan kerajaan.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK

[SIK]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam program satu murid satu sukan menekankan soal perlu penglibatan murid secara menyeluruh dalam sukan. Hakikatnya dalam penyertaan pertandingan antara sekolah, murid yang berketerampilan diutamakan. Akhirnya seorang murid akan menyertai berbagai jenis sukan. Apa pendirian Menteri dalam soal ini.

**JAWAPAN**

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat,

Konsep dalam Dasar 1 Murid 1 Sukan adalah untuk melibatkan seramai mungkin murid dalam program sukan sekolah. Murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan diwajibkan melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan. Tiada sekatan untuk murid menyertai dan melibatkan diri secara aktif lebih daripada satu jenis sukan. Penekanan dasar ini adalah untuk melibatkan semua murid dalam sukan tanpa mengambil kira prestasi murid-murid berkenaan. Dengan kata lain dasar ini memberi tumpuan khusus kepada murid-murid yang kurang atau tidak aktif dalam sukan supaya sama-sama terlibat dalam aktiviti yang

RT 17/151

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

dianjurkan oleh sekolah.

Murid yang berketrampilan diberi peluang untuk meningkatkan potensi dan bakat mereka sama ada mewakili sekolah, daerah, negeri atau negara. Walaupun pihak sekolah memberi peluang kepada murid-murid yang cemerlang dalam sukan tetapi

dasar ini tidak menyekat murid-murid yang lain dari terus bergiat dalam sukan di peringkat sekolah masing-masing.

Dasar ini memberi peluang kepada murid di setiap sekolah untuk menceburkan diri dalam sukan. Oleh itu sukacita dinyatakan bahawa dasar yang disediakan oleh KPM ini adalah untuk semua murid dan juga untuk murid yang berbakat dalam sukan di sekolah melibatkan diri secara aktif dalam sukan.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK

[SIK]

#### JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

##### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan yuran penyertaan zon/PKG juga amat tinggi (antara RM120-RM150 untuk satu jenis sukan). Ini amat membebankan. Sebelum itu MGB zon telah pun mengutip atas kadar RM4 untuk setiap guru dan pelajar zon berkenaan. Mengapa keadaan ini berlaku dan apa langkah Kementerian untuk mengatasi perkara ini.

##### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada dasarnya tidak mengenakan sebarang bayaran atau yuran penyertaan bagi aktiviti sukan yang dianjurkan oleh KPM. Walau bagaimanapun, di peringkat negeri, Majlis Sukan Sekolah Negara (MSSN) menetapkan yuran RM2 untuk murid sekolah rendah dan RM4 untuk murid sekolah menengah. Yuran ini adalah untuk menanggung sebahagian daripada aktiviti sukan yang dianjurkan oleh MSSN.

RT 18/151

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Walau pun begitu terdapat kemungkinan yuran tambahan diperlukan bagi menampung kos pengelolaan kejohanan sukan di pelbagai peringkat dan ini akan ditanggung oleh pihak sekolah.





**SOALAN NO. 129**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

**BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L  
R. SANTIAGO**

**KAWASAN : KLANG**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO (KLANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pendirian Kementerian mengenai pembinaan jambatan ketiga di Klang yang dilancarkan oleh Kementerian pada tahun 2008.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DHPertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Jambatan Klang Ke-3 sememangnya merupakan antara cadangan projek berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10 ini di bawah Kementerian Kerja Raya.

Pelaksanaan projek ini amat penting bagi mengurangkan masalah kesesakan jalan Lingkaran Bandar Klang memandangkan kedua-dua jambatan sedia ada, iaitu Jambatan Musaedin dan Jambatan Kota telah mencapai *Level of Service* (LOS) F, iaitu mengalami kesesakan yang teruk pada waktu puncak. Walau bagaimanapun berikutan peruntukan Kerajaan adalah terhad, projek dengan anggaran kos sebanyak RM235 juta ini telah ditangguhkan pelaksanaannya dalam Tempoh Separuh Pertama RMKe-10 (2010 - 2011). Sehubungan itu, cadangan projek ini akan dipohon semula oleh kementerian ini untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10. Namun demikian, ia tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 153**

PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT BUKAN  
DARIPADA LISAN  
TUAN CHARLES ANTHONY a/l R. SANTIAGO [KLANG]

**SOALAN**

TUAN CHARLES ANTHONY a/l R. SANTIAGO [KLANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan strategi Kerajaan dalam jangka masa pendek (short-run) untuk menolong isi rumah keluarga miskin yang dimiskinkan oleh kerana *wage stagnation* dan inflasi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan menyedari bahawa keadaan *wage stagnation* dan inflasi yang tidak terkawal akan menyulitkan golongan berpendapatan rendah. Kadar upah umumnya akan meningkat berasaskan kepada peningkatan produktiviti. Secara umumnya kadar inflasi di Malaysia adalah masih rendah. Pada tahun 2010, kadar inflasi ialah 1.7% manakala bagi tempoh Januari - Mac 2011, kadar inflasi yang dicatatkan lebih tinggi sedikit iaitu 2.9%. Ia disebabkan oleh kenaikan harga minyak dan komoditi dunia yang mana Malaysia turut terjejas.

Walaupun kadar inflasi adalah rendah dan terkawal, Kerajaan sentiasa mengambil langkah yang proaktif untuk meminimumkan tekanan inflasi bagi tujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah. Antara langkah yang dilaksanakan adalah :

- i. Meneruskan subsidi bagi barangan tertentu seperti petrol RON95, diesel dan LPG serta barangan makanan seperti beras ST15%, gula dan tepung gandum;
- ii. Mengawal harga barangan keperluan seperti gas memasak, gula dan tepung gandum;
- iii. Memantau bekalan barangan keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran yang boleh memberi kesan kepada harga;
- iv. Pemberian subsidi elektrik kepada rakyat miskin bagi menampung bil bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan (sehingga 31 Disember 2011);
- v. Kerajaan juga telah menggubal Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 yang berkuat kuasa pada 1 April 2011. Akta ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan mengekang syarikat atau individu menjual barangan atau menawarkan perkhidmatan pada harga yang terlampau tinggi daripada harga pasaran . Melalui Akta ini penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barangan yang dikawal dapat dipertingkatkan supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga;
- vi. Menjalankan pemeriksaan secara fizikal di premis perniagaan bagi menentukan tiada pengeluar atau peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan serta kegiatan menyorok barangan. Ini termasuklah perbincangan dengan para pengeluar, pemborong dan peruncit bagi mendapatkan komitmen mereka untuk tidak menaikkan harga; dan
- vii. Program penjelasan kepada rakyat mengenai perbelanjaan berhemat.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO  
(KLANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**NO SOALAN :155**

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan pengaliran keluar wang secara haram.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, *Global Financial Integrity* (GFI) membuat anggaran aliran kewangan secara haram bagi 152 negara membangun. GFI mentakrifkan aliran kewangan secara haram sebagai aliran kewangan dan modal swasta yang tidak direkodkan dan aliran kewangan yang diperolehi secara haram, sama ada dipindahkan atau digunakan. Anggaran GFI dibuat berdasarkan dua metodologi, iaitu *World Bank Residual Method* dan *Trade Mispricing Method*. Penilaian Bank Negara Malaysia menunjukkan GFI telah terlebih anggar jumlah aliran keluar dana secara haram. Dalam hal ini, Kesalahan dan Ketinggalan (E&O) dalam data imbangan pembayaran (BOP) adalah petunjuk yang lebih baik berhubung aliran kewangan sesebuah negara yang tidak direkodkan.

2. Menyedari terdapat aliran keluar dana yang tidak direkodkan, Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) **Menjalankan penyiasatan bersama pelbagai agensi**  
di bawah sebuah Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi ditubuhkan pada bulan April 2010 untuk menyiasat aliran keluar dana secara haram. Hasil siasatan yang dijalankan, sebanyak 59 lesen pengurup wang telah dibatalkan dan sembilan pengurup wang dan pengarahnya telah didakwa dan didapati bersalah. Hasil siasatan juga telah menyebabkan pembayaran cukai pendapatan yang tidak diisytiharkan oleh individu dan syarikat, serta pembekuan dana bagi kes yang mungkin bertujuan untuk mengelakkan duti kastam.
- (ii) **Membangunkan rangka tindakan dan rangka kerja undang-undang baru untuk industri pengurupan dan pengiriman wang** akan dilaksanakan pada tahun 2011. Rangka kerja baru itu bertujuan memupuk pembangunan industri yang kukuh, menggalakkan standard tadbir urus dan amalan profesional yang baik bagi melindungi integriti industri dan dilengkapi dengan rangka kerja penguatkuasaan yang berkesan.
- (iii) **Memperkukuh kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing** (Thailand, Indonesia, Singapura, China & Australia) untuk tujuan perkongsian hasil risikan dan bukti bagi transaksi merentas sempadan. Beberapa rakan sejawat asing telah bekerjasama dalam analisis bersama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang tempatan bagi menjejaki destinasi akhir dana haram berkenaan.
- (iv) **Bagi menangani penyeludupan mata wang, kawalan di pintu masuk dan keluar Malaysia telah dipertingkatkan dan sistem pengisytiharan mata wang merentas sempadan baru telah dilaksanakan sejak bulan Januari 2010.** Pelancong (masuk atau keluar Malaysia)

yang membawa wang tunai atau cek kembara bersamaan dengan USD10,000 atau lebih dikehendaki membuat pengisytiharan kepada pegawai Kastam di pintu masuk atau keluar negara. Penguatkuasaan pelaporan mata wang di sempadan telah dipertingkatkan lagi melalui penyediaan sumber termasuk tenaga kerja dan alat pengesanan. Sejak dilaksanakan sehingga kini, 4 kes telah dihadapi ke

mahkamah, 10 kes telah dikenakan kompaun dan sebanyak 11 kes lagi sedang dalam pelbagai tahap penyiasatan.

Di samping itu, usaha juga telah diambil untuk memperbaiki ketepatan dan kualiti statistik data imbangan pembayaran (BOP) bagi meminimumkan jumlah gangguan statistik.

PEMBER1TAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

BERTULIS

PERTANYAAN DARIPADA

Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago

TARIKH NO. SOALAN

/ */sr*

YB. Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [Klang] minta MENTERI

PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan;

- (a) Jumlah terkini pekerjaan yang hilang (job losses) dan industri berkenaan dan jumlah pelaburan baru ke Malaysia;
- (b) Pelaburan Malaysia di Republik Rakyat China (RRC) dan sektor berkenaan selepas menandatangani perjanjian ASEAN-China FTA.





## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Jumlah pekerjaan yang hilang dalam tempoh 2008 hingga Mac 2011 adalah seramai 44,884 orang. Ini berpunca daripada penutupan dan pengecilan operasi perniagaan oleh 358 syarikat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 227 syarikat adalah milik rakyat asing, sementara 128 milik rakyat tempatan dan 3 milik usahasama (50:50). Jumlah pelaburan yang terlibat bagi 358 syarikat tersebut adalah dalam lingkungan RM 19.7 bilion. Walau bagaimanapun, kehilangan pekerjaan ini tertumpu kepada industri yang berorientasikan buruh.

Syarikat-syarikat yang telah menutup dan mengecilkan operasi perniagaannya adalah meliputi pelbagai industri. Antara industri- industri berintensifkan buruh yang terlibat adalah industri elektrik, jentera & sokongan industri, barangan plastik, produk berasaskan getah, tekstil, kayu dan kertas.

Bagi tempoh yang sama 2008 hingga Mac 2011, sebanyak 2,782 projek perkilangan dengan jumlah pelaburan bernilai RM 154.7 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 1,671 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM94.3 bilion adalah projek baru manakala 1,111 projek dengan

nilai pelaburan RM60.4 bilion adalah projek pembesaran/pelbagaian. Projek-projek ini mewujudkan sebanyak 287,939 peluang-peluang pekerjaan baru, mengatasi bilangan pekerjaan yang hilang.

Tuan Yang Di Pertua

Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) dan Perjanjian Pelaburan ASEAN-China telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Januari 2010. Ia telah memanfaatkan syarikat-syarikat Malaysia terutama sekali dari segi akses pasaran serta rejim pelaburan yang lebih terbuka di Republik Rakyat China (RRC).

Jumlah pelaburan Malaysia ke RRC bernilai RM732.5 juta pada tahun 2009 dan RM38.7 juta pada tahun 2010. Nilai ini walaubagaimanapun tidak melambangkan kesan sebenar

walau bagaimanapun tidak melambangkan kesan sebenar Perjanjian Pelaburan ASEAN-China ke atas pelaburan dua hala kerana adalah terlalu awal untuk mengukur kesan ini memandangkan perjanjian ini baru sahaja dilaksanakan. Pelaburan Malaysia di RRC tertumpu kepada sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Antara syarikat Malaysia yang mempunyai kepentingan pelaburan di RRC termasuk Parkson, CIMB Bank, Khazanah Malaysia dan Sime Darby, yang meraih manfaat daripada saiz pasaran luas RRC dan kuasa beli rakyat RRC yang kian meningkat.

Pelaburan dua hala dijangka akan terus meningkat pada masa yang akan datang dengan peningkatan kerjasama ekonomi dua hala melalui pelaksanaan Perjanjian Memperluas dan Mempertingkatkan Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC dan juga inisiatif-inisiatif dua hala di kalangan pihak swasta seperti pembinaan kawasan-kawasan perindustrian di wilayah-wilayah tertentu di RRC. RRC juga

didapati kian berminat meningkatkan

mereka di Malaysia selaras dengan "Go *Out policy*" yang dilaksanakan oleh

Kerajaan RRC.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BERTULIS</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>R.SANTIAGO</b>
<b>TARIKH NO.</b>	<b>KLANG</b>
<b>SOALAN</b>	<b>156</b>

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO minta**  
**MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN**  
**INDUSTRI (MITI) menyatakan langkah-langkah Kerajaan**  
**untuk meningkatkan prestasi persaingan negara yang telah**  
**jatuh enam tangga menurut laporan 2011 World**  
**Competitiveness Rankings, The Institute of Management**  
**Development (IMD).**



**JAWAPAN:  
Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1989 *Institute for Management Development (IMD)* yang bertempat di Lausanne, Switzerland telah menerbitkan laporan tahunan *IMD World Competitiveness Yearbook*. Laporan tahunan *IMD World Competitiveness Yearbook (WCY)* 2011 telah diterbitkan pada 19 Mei 2011 merupakan edisi yang ke 22. Ianya memberi gambaran kedudukan daya saing sesebuah negara melalui indeks daya saing yang meliputi 59 buah negara.**

**WCY 2011 mempunyai 331 kriteria yang meliputi 4 faktor utama daya saing iaitu faktor Prestasi Ekonomi, Kecekapan Kerajaan, Kecekapan Perniagaan dan Infrastruktur. Daripada**



jumlah tersebut, 250 kriteria merupakan kriteria yang diambil kira untuk menentukan kedudukan daya saing keseluruhan di mana 134 adalah data kuantitatif dan 116 adalah data persepsi. Manakala 81 kriteria lagi adalah merupakan maklumat latar belakang. Dalam menentukan kedudukan daya saing keseluruhan, data kuantitatif mewakili dua per tiga, manakala data persepsi mewakili satu per tiga.

Data persepsi diperolehi dari maklum balas persepsi pihak swasta melalui borang Kaji Selidik Pendapat Eksekutif oleh IMD. Kaji selidik IMD ini dilengkapi oleh 111 responden dengan menggunakan borang atau secara *online* yang dihantar oleh IMD kepada responden mulai Januari hingga Mac 2011. Responden-responden bagi kaji selidik ini adalah mereka yang berada dalam kategori pengurusan

pertengahan dan atasan dari komuniti perniagaan yang meliputi enterpris kecil sehingga besar termasuk *Multi-National Corporations* (MNCs) dan juga syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs).

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun WCY 2011 meletakkan Malaysia di kedudukan ke-16 daripada 59 ekonomi (2010: ke-10 daripada 58 ekonomi), namun berdasarkan kepada 4 faktor input daya saing di kalangan 59 ekonomi, Malaysia masih mencatat peningkatan bagi faktor Prestasi Ekonomi di kedudukan ke-7 (2010: ke-8).

Di antara kriteria yang telah menyumbang kepada peningkatan kedudukan faktor ini ialah pertumbuhan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 7.2% pada tahun 2010, eksport barangan yang lebih tinggi dan peningkatan pelaburan langsung asing (FDI) yang mencatat

**sebanyak RM11 bilion pada suku pertama 2011. Manakala  
bagi 3 faktor lain mengalami penurunan iaitu faktor**



**Kecekapan Kerajaan di kedudukan ke-17 (2010: ke-9), faktor Kecekapan Perniagaan di kedudukan ke-14 (2010: ke-4) dan faktor Infrastruktur di kedudukan ke-27 (2010: ke-25).**

**Kemerosotan kedudukan daya saing Malaysia banyak dipengaruhi oleh kriteria yang berkaitan dengan data persepsi yang banyak diambil kira di dalam faktor Kecekapan Kerajaan dan Kecekapan Perniagaan. Di antara kriteria-kriteria persepsi yang menyumbang kepada penurunan kedudukan daya saing Malaysia bagi faktor Kecekapan Kerajaan adalah persepsi berhubung undang-undang Imigresen mengenai penggajian pekerja asing dan perundangan berkaitan persaingan. Manakala bagi faktor Kecekapan Perniagaan pula, kriteria yang mengalami penurunan adalah persepsi berhubung ketirisan cendekiawan dan kekurangan pendedahan kepada pengalaman antarabangsa di kalangan pengurusan atasan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang memberi tumpuan kepada Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA), Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang memberi penekanan kepada Aktiviti Utama Ekonomi Negara (NKEA) dan penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) bagi meningkatkan ketelusan dan memudahkan proses serta prosedur dalam menjalankan perniagaan.**

**Penurunan yang ketara dalam tempoh setahun merupakan cabaran bagi Kerajaan memandangkan banyak usaha transformasi dalam Kerajaan dan ekonomi yang telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kemerosotan prestasi daya saing Malaysia tetap dipandang berat oleh Kerajaan dan**

**usaha ke arah meningkatkan daya saing negara terns kekal sebagai salah satu agenda utama negara. Namun begitu, usaha-usaha ini memerlukan masa untuk memperlihatkan keberkesanannya dalam mengubah persepsi masyarakat.**

**Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus berusaha memantau dan memantapkan pelaksanaan program-program transformasi supaya impak dan hasilnya dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat Kerajaan akan terus merangka strategi komunikasi yang lebih berkesan untuk menyebarkan maklumat yang tepat dan terkini serta inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan kepada sektor awam, swasta dan masyarakat umum. Ini diharapkan dapat mengubah persepsi masyarakat ke arah yang lebih positif terhadap Kerajaan. Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Daya Saing yang dianggotai oleh pakar-pakar dari sektor awam dan swasta dan Perbadanan Produktiviti**

**Malaysia (MPC) berperanan sebagai Sekretariat. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengenai pasti isu-isu daya saing yang perlu diberi keutamaan yang memberi impak yang tinggi ke atas produktiviti, taraf hidup dan kepimpinan di peringkat global. Jawatankuasa ini juga diharap dapat memacu pelaksanaan inisiatif-inisiatif daya saing di peringkat kementerian dan agensi.**

**Langkah-langkah lain yang telah diambil dalam memastikan Malaysia menjadi lebih kompetitif ialah:**

